

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan :

**Institut Integriti Malaysia (IIM)
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :


BIL	KETERANGAN ASET	NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)
1	Kereta Proton Waja 1.6 Manual	WUH 7609	1	6,600.00
2	Kereta Proton Inspira 2.0L CVT	WVN 3624	1	25,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **2 September 2022 (Jumaat) hingga 9 September 2022 (Jumaat)** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** di **PARKIR BELAKANG BANGUNAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA, MENARA INTEGRITI, PERSIARAN TUANKU SYED SIRAJUDDIN, OFF JALAN TUANKU ABDUL HALIM, 50480 KUALA LUMPUR** dan boleh berhubung dengan **En. Mohd Elminizam bin Mohamed Ramli** di talian **03-6209 2043** atau **Pn. Nur Eliana binti Zainal** di Unit Pentadbiran di talian **03-6209 2044**.

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM/SP/FO/42)** yang boleh **diperolehi di alamat seperti di para 4**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Borang sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan No. Sebut harga **IIM/PA/SH/1/2022** di sebelah kiri sampul surat dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :

Institut Integriti Malaysia (IIM)
Menara Integriti
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
Off Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

5. Tarikh tutup sebut harga pada **12 September 2022 (Isnin)** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Harisham bin Ibrahim)
Ketua Seksyen Pentadbiran

Tarikh : 1/9/2022
Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank atau Cek sahaja atas nama **INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is-basis)
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Bagi individu yang mewakili syarikat, sila bawa bersama cop syarikat bagi tujuan pendaftaran dan pengambilan Borang Sebut Harga.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos yang melibatkan urusan PUSPAKOM, proses tukar milik kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), kos menanggal (*dismantle*), pengambilan, pengangkutan dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat **pembayaran penuh** melalui **pindahan secara online atau cek kepada INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA** dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan dan pihak jabatan berhak membuat penawaran kepada orang perseorangan lain yang menyertai sebut harga tersebut.


9. Pembeli yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan dan telah pun selesai proses tukar hak milik kenderaan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

10. Bagi memastikan kelancaran proses pertukaran hak milik kenderaan, pembeli yang berjaya dikehendaki :
 - i. Bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM selepas membuat pembayaran penuh; dan
 - ii. Memberi kerjasama dalam proses pertukaran hak milik kenderaan di JPJ supaya dapat diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemeriksaan PUSPAKOM.

11. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan pegawai seperti di bawah :
 - i) En. Mohd Elminizam bin Mohamed Ramli : 03-6209 2043
 - ii) Pn. Nur Eliana binti Zainal : 03-6209 2044

PELUPUSAN KENDERAAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Bil	:	1
Jenis Dan Model Kenderaan	:	Kereta Proton Waja 1.6 Manual
No Pendaftaran	:	WUH 7680
Tahun Perolehan	:	30 September 2010



Bil	:	2
Jenis Dan Model Kenderaan	:	Kereta Proton Inspira 2.0L CVT
No Pendaftaran	:	WVN 3624
Tahun Perolehan	:	26 Julai 2011

